



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Berita

Kuala Lumpur, September 19, 2024

### **Karnival MAGGI® Sah Malaysia Meraikan Kecintaan Rakyat Malaysia kepada Makanan Melalui Citarasa Malaysia yang Sebenar**

*Pengalaman MAGGI® yang imersif buat pertama kali ini meraikan citarasa Malaysia dengan perisa ikonik MAGGI® Kari dan rangkaian SYIOK yang baharu*

**Kuala Lumpur, 19 September 2024** – MAGGI® berbangga untuk mengumumkan kembalinya kempen MAGGI® Sah Malaysia yang sangat dinantikan. Kini memasuki tahun kelima, kempen ini meraikan aneka warisan kulineri Malaysia serta individu-individu berdedikasi di sebalik perisa MAGGI® tempatan yang telah menjadi makanan ruji dalam keluarga selama beberapa generasi. Tema tahun ini, “Ini MAGGI® Kita”, memberi penghargaan kepada hubungan mendalam yang dikongsi bersama rakyat Malaysia dengan MAGGI® Kari – perisa ikonik yang digemari rakyat Malaysia sejak 53 tahun lalu. Menjadi kesukaan ramai di semua peringkat umur dan latar belakang, MAGGI® Kari terus menjadi hidangan asas di setiap dapur rakyat Malaysia.

Sebuah Karnival yang menawarkan pengalaman menyeronokkan dan menarik untuk semua dengan menampilkan siri aktiviti yang interaktif bakal menemui pengunjung di tiga lokasi – Petaling Jaya dan Cheras di Selangor, dan juga George Town di Pulau Pinang – pada September dan Oktober ini. Tertumpu kepada MAGGI® Kari yang sentiasa menjadi kegemaran rakyat Malaysia dan rangkaian SYIOK yang baru dilancarkan, Karnival ini menampilkan enam zon berbeza – Mangkuk Gergasi, Dapur, Studio, SYIOK, Pasaraya dan Bistro – setiap satunya direka untuk menawarkan pengunjung satu perjalanan yang mendalam melalui pengalaman kulineri yang interaktif.

Karnival MAGGI® Sah Malaysia akan bermula di 1 Utama Shopping Centre, Petaling Jaya dari 19-22 September. Ia kemudian akan bergerak ke MyTOWN Shopping Centre di Cheras dari 11-14 Oktober, dan akan berakhir di Gurney Paragon Mall di George Town dari 24-27 Oktober.

Cik Ivy Tan Link Cheh, Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI® Malaysia dan Singapura, berkata, “Di MAGGI®, kami percaya bahawa rasa adalah teras budaya, terutamanya di negara yang majmuk seperti Malaysia. Karnival Sah Malaysia kami bukan sahaja mengetengahkan MAGGI® Kari yang disukai di seluruh negara, tetapi ini adalah sebahagian daripada komitmen kami dalam memelihara dan mengangkat warisan kulineri Malaysia. Pelancaran rangkaian MAGGI® SYIOK dan MAGGI® Kari KAW dengan rasa yang dipertingkatkan menjadi bukti kepada dedikasi MAGGI® dalam memenuhi permintaan rakyat Malaysia kepada rasa dan aroma yang padu dan sentiasa menjadi pilihan utama mereka.”

“Kami sangat teruja untuk menghimpunkan rakyat Malaysia di acara yang menawarkan pengalaman imersif ini, di mana mereka boleh menikmati citarasa tempatan serta mendalami bagaimana

MAGGI® menjadi sebahagian daripada penciptaan hidangan yang sihat dan seimbang yang mengangkat tradisi makanan tempatan kita.”

## **Selami Pengembaraan MAGGI®: Pengalaman Interaktif untuk Semua**

Pengunjung akan memulakan pengembaraan unik yang pertama seumpamanya di **Mangkuk Gergasi Kari KAW**, suatu hasil seni digital yang memukau. Di sini, mereka akan melangkah masuk ke dalam mangkuk besar MAGGI® Kari KAW – MAGGI® Kari yang dipertingkatkan, menonjolkan usaha MAGGI® dalam memenuhi citarasa rakyat Malaysia yang menggemari perisa yang ketara dan padu. Pengunjung boleh mencipta sendiri mangkuk MAGGI® Kari KAW yang paling mencerminkan rakyat 'Malaysia' bersama pengunjung lain, menggunakan pelbagai ramuan dan penambah perasa. Mereka juga boleh muncul di skrin sebagai ramuan kegemaran mereka. Sambil berkongsi kisah dan perisa Mi MAGGI® 2-Minit kegemaran mereka dan saat mereka jatuh cinta dengan MAGGI®, pengunjung dapat mengenang hubungan mereka dengan MAGGI® serta mempelajari tentang bahan-bahan berkualiti yang membentuk setiap produk MAGGI®. Selain itu, ruang bergambar yang menarik untuk Instagram juga disediakan buat pengunjung merakam dan berkongsi detik #MaggiKita mereka di Karnival ini.

Di **Studio MAGGI®**, pengunjung akan diberi peluang untuk menghias mangkuk MAGGI® mereka sendiri dengan pelekat-pelekat menarik. Mangkuk-mangkuk ini diperbuat daripada pembungkusan kertas yang lestari, mencerminkan komitmen MAGGI® untuk mengurangkan sisa plastik, justeru membantu menyingkirkan lebih daripada 600 tan plastik asli setiap tahun. Jangan lepaskan peluang untuk menghias sendiri mangkuk MAGGI® anda yang tersendiri di samping menyumbang kepada masa hadapan yang lebih lestari!

## **Nikmati Hidangan Terbaik Hasil Karya Kulineri MAGGI®**

Di **Dapur MAGGI®**, demonstrasi memasak secara langsung oleh chef MAGGI®, Chef Sharifah, akan mengetengahkan tiga resipi lazat menggunakan produk MAGGI® dengan menampilkan kaedah unik dalam mencipta hidangan seimbang. Pengunjung juga boleh mencuba rasa ketara MAGGI® Kari KAW dan MAGGI® Tom Yum KAW dari rangkaian SYIOK terbaharu semasa waktu riang memasak MAGGI®. Mereka juga berpeluang mempamerkan bakat kulineri mereka dalam cabaran memasak dengan Mi MAGGI® 2-Minit untuk peluang memenangi hadiah eksklusif.

Setiap individu pastinya mempunyai cara yang tersendiri dalam menikmati mi MAGGI®. Di Karnival ini, para pengunjung juga diberikan peluang untuk mencipta sendiri hidangan MAGGI® kegemaran mereka secara kreatif! Bagi mereka yang ingin bereksperimen dengan ciptaan mi segera, **MAGGI® Bistro** membolehkan pengunjung mencipta hidangan yang lazat dan seimbang dengan mencampur dan memadankan empat bahan masakan khusus dengan pilihan mi MAGGI® yang dibeli dari **Pasaraya MAGGI®**. Barangan eksklusif Karnival MAGGI® Sah Malaysia juga boleh ditebus dengan pembelian minimum RM20.

## **Camni Baru SYIOK!**

Bersempena dengan Kempen Sah Malaysia, MAGGI® juga melancarkan siri kegemaran rakyat Malaysia. Rangkaian SYIOK merupakan kelainan kepada citarasa tempatan yang digemari dan boleh didapati dalam dua perasa berasaskan kuah iaitu Kari KAW yang mantap, dan Tom Yum KAW yang

lazat dan beraroma, serta dua jenis mi kering – Cili Ala Kampung yang pedas berempah, serta Aglio Olio yang berinspirasi citarasa antarabangsa.

Di **Zon SYIOK**, pengunjung boleh mengetahui dan mengenali skuad SYIOK mereka dengan mengambil kuiz personaliti yang menyeronokkan, diikuti dengan peluang bergambar di **Mangkuk Celup MAGGI® SYIOK Kari**. Sebagai ganjaran, pengunjung akan menerima satu pek MAGGI® SYIOK untuk menikmati rasa KAW di rumah. Rangkaian SYIOK yang baharu ini mencerminkan dedikasi MAGGI® dalam menggabungkan inovasi dengan perisa tempatan yang digemari, menghasilkan produk yang benar-benar dibuat oleh rakyat Malaysia, untuk rakyat Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai jadual acara dan aktiviti, sila rujuk lembaran fakta yang disertakan.

-TAMAT-

### **Tentang MAGGI®**

MAGGI® adalah jenama global yang diiktiraf dan telah menjadi nama unggul di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta makanan yang baik dan membawa keluarga lebih dekat bersama. Melalui pelbagai produk dan penyelesaian makanan, MAGGI® membantu ibu-ibu untuk menyediakan hidangan buatan sendiri yang lazat dan seimbang untuk keluarga setiap hari. Jenama ini juga komited kepada keperluan yang sentiasa penyediaan makanan, disamping menyediakan produk dan idea baharu yang menarik dan memberi inspirasi kepada keluarga Malaysia tentang kebaikan buatan sendiri. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.maggi.my](http://www.maggi.my) atau halaman Facebook di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Nestlé, sila layari <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>.

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Joanna Ooi**  
MAGGI® PR

Tel: +603-6209 5200  
E-mail: [joanna.ooi@webershandwick.my](mailto:joanna.ooi@webershandwick.my)

**Affirah Naquiyah**  
MAGGI® PR

Tel: +603-6209 5200  
E-mail: [affirah.naquiyah@webershandwick.my](mailto:affirah.naquiyah@webershandwick.my)